



SEHATI SEJIWA NADI RUKUN NEGARA

Teks: Ismail Dahaman

Perpaduan menjadi agenda utama sebagai penyelesaian terhadap permasalahan kepelbagaian perbezaan dalam masyarakat dan budaya warga Malaysia dalam pencapaian misi pembangunan negara bangsa yang sejahtera, adil, dan maju. Semenjak merdeka tahun 1957, terutamanya selepas pembentukan Malaysia tahun 1963, landskap persefahaman dan perpaduan antara pelbagai bangsa dan suku kaum dikatakan tidak utuh dan agak rapuh. Puncak ketidaksefahaman dan persengketaan antara kaum telah mencetuskan "Peristiwa 13 Mei" yang memaksa pihak kerajaan menanganinya melalui 'pelaksanaan undang-undang Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Satu strategi yang ampuh bagi pemupukan semula persefahaman dan perpaduan negara melalui pemahaman rakyat terhadap ideologi baharu yang dinamakan Rukun Negara (RN) yang

dibentuk oleh MAGERAN dan dilancarkan pada Hari Kebangsaan, 31 Ogos 1970.

Dalam teks perisytiharan RN, termaktub persetujuan bersama bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai lima matlamat unggul iaitu; "(1) Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; (2) Memelihara cara hidup demokratik; (3) Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama; (4) Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan (5) Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden."

Dengan matlamat tersebut, RN memahatkan kenyataan dalam bentuk suara rakyat bahawa "Kami rakyat Malaysia berikrar




Tentera bertanggungjawab untuk menjaga keamanan negara.

akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut: (1) Kepercayaan kepada Tuhan, (2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara, (3) Keluhuran Perlembagaan, (4) Kedaulatan Undang-undang, dan (5) Kesopanan dan Kesusilaan". Hingga kini, tiada pihak yang mempertikaikan hak kebijaksanaan kepemimpinan negara pada tahun 1970 itu yang membuat keputusan bagi pihak setiap rakyat suku kaum masing-masing yang "dipercayai bersetuju" dengan tujuan perpaduan nasional dan keamanan negara pada masa hadapan.

Dalam tempoh lebih lima dasawarsa, pelbagai usaha dilakukan untuk menyebarkan ideologi RN kepada setiap rakyat, terutamanya dalam kalangan generasi muda, melalui pendidikan formal dan secara tidak langsung. Secara menyeluruh, penerangan dilakukan melalui penyebaran risalah, pameran tetap dan pameran bergerak, filem dokumentari, tayangan video, buku oleh pakar, persidangan, ceramah, dan seumpamanya. Sektor awam yang secara langsung terlibat dengan fungsi pemupukan perpaduan nasional, seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Belia dan Sukan, dan Jabatan Penerangan, mengadakan program untuk menggalakkan interaksi sosial dan persefahaman antara kaum dan pemupukan semangat

Dalam tempoh lebih lima dasawarsa, pelbagai usaha dilakukan untuk menyebarkan ideologi RN kepada setiap rakyat, terutamanya dalam kalangan generasi muda, melalui pendidikan formal dan secara tidak langsung.



Kepesatan pembangunan dan kemakmuran ekonomi Malaysia kini dicapai melalui kerjasama antara kaum.

nasionalisme melalui aktiviti gerak kerja bersama, seperti sukan, persatuan, kerja kemasyarakatan, manifestasi kebudayaan, dan seumpamanya.

Dalam sistem pendidikan, ideologi RN diterapkan secara formal dalam pendidikan tatanegara, tatarakyat, sejarah, dan aktiviti peneguhan lafaz ikrar, serta pengisian, seperti persembahan teater oleh pelajar. Jabatan Perpaduan Negara pula menerapkan ideologi RN dalam pembinaan insan daripada peringkat muda seperti melalui Tadika Perpaduan dan Tabika Perpaduan.

Adakah usaha selama lebih daripada lima dekad yang lalu telah berjaya menanam ideologi RN dan menampakkan natijah yang ketara dalam setiap warga Malaysia? Nampaknya, sukar hendak dirumuskan dengan nyatanya secara statistik. Maksudnya,

kita tidak tahu akan kualiti pemahaman setiap individu atau rumpun komuniti yang berbeza-beza terhadap maksud ideologi RN itu dan kesannya terhadap pencapaian lima tunjang cita-cita rukun tersebut. Tiada analisis dan rumusan.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan dengan sokongan pihak bukan kerajaan terus memperbanyak usaha kempen kesedaran, penyebaran maklumat dan penyelenggaraan aktiviti interaksi sosial pelbagai kaum, terutamanya dalam pengisian projek yang terancang, sambutan peristiwa bersejarah dan kebudayaan pada peringkat dunia, nasional, negeri dan rumpun komuniti sosial.

Sebagai ilustrasi, dalam dekad ini, pihak kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) terus melaksanakan program kempen pendidikan ideologi RN dan pemupukan jati diri serta pembinaan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda dan rumpun komuniti dewasa yang prihatin.

Usaha yang dijalankan termasuklah "Pertandingan Sketsa Rukun Negara", "Pengisahan Kenegaraan", "Pewaris Muda"; projek "Kelab Malaysiaku" yang ditubuhkan di sekolah menengah sebagai satu kegiatan kokurikulum pelajar; "Kem Aspirasi Pelajar" yang bertujuan memupuk dan mendidik semangat jati diri, kerjasama, berdikari serta memupuk keyakinan diri dalam



Malaysia bertuah kerana mempunyai masyarakat majmuk yang bersatu padu.

kalangan ahli kelab melalui aktiviti, motivasi dan ceramah; "Kembara Kelab Malaysiaku"; dan "Demokrasi Kita" sebagai penjenamaan semula "Program Amalan Demokrasi Berparlimen".

Selain itu, dalam konteks penerapan ideologi RN yang ketara, banyak pihak yang memberikan perhatian terhadap peristiwa tahunan yang utama, iaitu sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Bersempena dengan perayaan kebangsaan ini, projek yang disediakan khusus untuk meningkatkan kefahaman terhadap RN dan penyertaan rakyat antaranya termasuklah projek "Semarak Kita Merdeka"; "Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan" dengan pendekatan program yang lebih menyeluruh menerusi aktiviti pengibaran Jalur Gemilang; projek "Anak-Anak Malaysia" (yang lahir pada 31

Ogos dan 16 September); dan projek "Aktivis Malaysiaku" yang merupakan aktiviti sukarelawan belia bagi membina nilai-nilai kekitaan, bersatu padu dan bekerjasama.

Projek lain yang pernah dan sedang dilaksanakan termasuklah "Komuniti Harapan Malaysia" (sejak tahun 1987) dan aktiviti "Sepakat KHM@Komuniti/Negeri"; projek "Pentarama" "INFOBUSK@PENTARAMA" dan "SHOWCASE@PENTARAMA" dengan hiburan yang bermaklumat berupa penerangan melalui nyanyian, muzik, tarian dan drama yang bertujuan menyalurkan maklumat mengenai dasar dan program kerajaan.

Projek "MY MERDEKA" merupakan program pameran bersempena Bulan Kemerdekaan; dan projek "MERDEKA@KOMUNITI" bertujuan menyuntik kesedaran semangat patriotik dan cinta pada negara secara menyeluruh. Satu-satunya projek yang secara khusus bertujuan memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan ialah "Pertandingan Pidato Kenegaraan".

Walau bagaimanapun, sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan wabak COVID-19 bermula bulan Mac 2020 yang lalu, terdeteksi beberapa gejala kurang sihat yang memperlihatkan perlakuan yang negatif terhadap nilai murni budaya kesopanan dan kesusilaan oleh segelintir warga kita. Antaranya termasuklah penghinaan terhadap institusi raja, pelanggaran terhadap titah perintah raja pemerintah, pencemaran ke atas kesucian agama dan tempat ibadat, perebutan kuasa yang tidak beretika, perlakuan beberapa jenis jenayah berat, dan ketidakpatuhan undang-undang dan peraturan. Gejala negatif yang ini menunjukkan bahawa kempen penerapan ideologi RN tidak berkesan bagi segelintir warga yang tidak prihatin.

Dengan senario yang membimbangkan sedemikian, pihak kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara berhasrat mengatur kempen semula untuk meningkatkan penghayatan amalan baharu terhadap falafah, maksud dan kepentingan RN dalam kalangan rakyat. Pada waktu yang sama, pihak Menteri KKMM mencadangkan supaya diwujudkan sebuah pasukan petugas yang bertanggungjawab merangka program "Pendidikan Rukun Negara" untuk diluluskan oleh Jemaah Menteri. Program ini bertujuan supaya "RN diterapkan secara formal dan tidak formal, dan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan media, agar benar-benar dijiwai dalam hati secara berkekalan dan berkesan".

Walau apa-apa pun program yang dirancang dan dilaksanakan, ternyata bahawa kempen penerapan ideologi RN dalam kalangan rakyat selama ini belum menampakkan impak yang ketara. Apakah puncanya? Salah satu sebab utama ialah kegagalan sistem penyampaian maklumat dan kegagalan kefahaman rakyat dari sudut penggunaan bahasa. Bahasa kebangsaan berperanan sebagai alat penyampaian maklumat dan pemahaman terhadap RN dalam konteks sambutan Hari Kebangsaan dan Bulan Kemerdekaan.

Umum mengetahui bahawa "Malaysia Prihatin" dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan 2020. Sebelum itu, dua tahun berturut-turut, iaitu tahun 2016 dan 2017, kita merayakan tema "Malaysia Sehati Sejiwa" yang pada zahirnya mengujakan, namun hakikatnya sukar dihayati. Walau apa-apa pun tema yang dipilih, hasrat kerajaan kita pasti bertujuan untuk "menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cinta pada negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, dan budaya, di samping menonjolkan nilai integriti dan jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi", iaitu sebagai natijah daripada pemahaman dan penghayatan terhadap ideologi RN. Kita akan berhujah tentang signifikannya tema "Negaraku Sehati Sejiwa" sebagai nadi pemangkin bagi mencapai perpaduan nasional menurut ideologi RN.

Sekilas fikir, "Negaraku Sehati Sejiwa" semacam hendak menonjolkan maksud bahawa "rakyat Malaysia yang pelbagai kaum hidup dengan bersatu padu dan aman damai kerana berpegang pada cita-cita yang sama". Namun begitu, secara tersirat, mungkin maksud yang sebenarnya ialah bahawa "rakyat negara ini belum sehati sejiwa". Benarkah? Adakah kita masih belum "sehati sejiwa" selepas lebih 60 tahun Merdeka?

Jika merujuk kamus, perkataan "sehati" bermakna "seia sekata" atau "sepakat". Perkataan "sejiwa" pula ditakrifkan sebagai "keadaan hubungan yang sangat bulat dan sepakat". Secara ringkas, dapat dirumuskan bahawa sehati sejiwa ialah seia sekata atau sepakat atau hubungan yang padu. Nampaknya, makna seperti ini tidak cukup jitu untuk memanasifasikan maksud "sehati sejiwa" yang menjadi tema Hari Kebangsaan itu. Mari kita mendekati maksud "sehati sejiwa" dari perspektif bentuk kata. Awalan "se-" ada dua makna, iaitu "satu" dan "sama". Dengan itu, "sehati" bermaksud "satu hati" atau "mempunyai hati yang sama", dan "sejiwa" bererti "satu jiwa" atau "mempunyai jiwa yang sama".

Dari segi fisiologi, "hati" ialah sejenis organ dalam badan manusia tempat menyimpan, memproses dan mengeluarkan kehendak insan, iaitu perasaan, niat, hajat, harapan, aspirasi, tujuan, dan seumpamanya. Organ hati berinteraksi dan bersinergi dengan otak sebagai organ tempat menyimpan, memproses dan mengeluarkan kebijaksanaan insan, iaitu ilmu, konsep, fikiran, taakul, idea, ilham, inspirasi, falsafah, dan seumpamanya. Dari sudut makna yang abstrak, kata "hati" bersinonim dengan "kalbu" yang bererti "pusat segala perasaan batin" atau "sanubari".

Perkataan "jiwa" membawa dua maksud utama, iaitu nyawa atau roh yang ada dalam tubuh manusia atau batin; dan maksud yang sebenarnya, maksud yang tersirat. Perkataan "sejiwa" juga boleh bermaksud "satu jiwa (nyawa)" atau "mempunyai jiwa (roh, nyawa) yang sama". Dalam konteks frasa "sehati sejiwa", kata "sejiwa" lebih tepat merujuk makna "maksud yang sebenarnya, maksud yang tersirat" sahaja. Apabila diadunkan

makna kamus setiap kata tersebut, maka dapatlah disimpulkan bahawa "sehati sejiwa" bermaksud secara tersirat sebagai "bersatu hati dan bekerjasama erat dengan tujuan mencapai matlamat dan kehendak yang sama bagi kesejahteraan hidup bangsa dan kemajuan negara".

Walaupun makna yang ditakrifkan daripada "hati" dan "jiwa", konsep "sehati sejiwa" sudah pasti bertujuan untuk membawa maksud yang positif dan baik, iaitu dengan menggabungkan semua maksud konsep yang baik daripada produk otak dengan semua maksud konsep yang baik daripada sifat dan ciri yang dikaitkan dengan hati. Terlalu banyak dan kompleks sifat dan konsep yang positif atau baik daripada gabungan kedua-duanya.

Bagi tujuan ini, kita senaraikan beberapa konsep dan sifat yang dapat dikaitkan dan mengisi maksud "sehati sejiwa" itu. Terdapat banyak sifat positif dan baik daripada "hati" yang dapat memacu interaksi sosial antara kaum. Antaranya termasuklah berbudi, berterima kasih, berbudi bahasa, bersopan santun, bekerjasama, bersepakat, bermuafakat, bergotong-royong, bersatu hati, bersatu suara, bersatu padu, belas kasihan, bertimbang rasa, bertolak ansur, berterus terang, saling memahami, saling mempercayai, saling berbaik sangka, saling menggembirakan, dan saling memaafkan. Adakah sifat-sifat asas yang penting bagi perpaduan nasional ini tersemat dalam diri setiap warga Malaysia?

Selain itu, kita dapat mengaitkan konsep dan semangat "sehati sejiwa" dengan maksud yang diungkapkan dalam cara hidup masyarakat Melayu seperti yang terakam dalam perumpamaan dan peribahasa, antaranya termasuklah bersatu teguh, bercerai roboh (perjuangan); ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni (kesetiaan bersama); bagai aur dengan tebing (bekerjasama); bagai isi dengan kuku (persaudaraan); biar putih tulang, jangan putih mata (patriotisme); hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah (keadilan ekonomi); dan berdiri sama tinggi, duduk sama rendah (keadilan).

Seterusnya, misi menentukan golongan sasaran yang akan diterapi dengan maksud falsafah "sehati sejiwa" itu, iaitu kumpulan individu atau rumpun komuniti sebagai barisan hadapan peneraju dan pelaksana falsafah RN dan perpaduan nasional. Selepas dikenal pasti semua rumpun komuniti, barulah diprogramkan strategi bersepadu misi penerapan konsep "sehati sejiwa" kepada setiap rumpun komuniti tersebut, seterusnya melaksanakannya dan meneliti pencapaiannya, dan mengulang kaji program, pelaksanaan dan penilaian keberkesanannya.

Yang pertamanya, konsep "sehati sejiwa" hendaklah dipastikan tertanam dan bercambah dalam kalangan semua rakyat pelbagai kaum supaya mereka dapat memahami, menghormati dan menyumbang kepada pengisian maksud RN dengan menghayati maksud setiap aspek daripada lima visinya